**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-88849586 (Aras 3)
+603-88849370 (Aras 4)
Faks : +603-88849315
Laman Web : www.moe.gov.my

KPM.600 -10/26/4 Jld. ( )
19 Disember 2017

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PERINGATAN PELAKSANAAN PEMERIKSAAN SENDIRI (PROGRAM KENDIRI) DI DEWAN MAKAN ASRAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) TAHUN 2018**

Dengan segala hormatnya perkara tajuk adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan dan kebersihan makanan yang disediakan di dewan makan asrama untuk mengurangkan risiko berlakunya kejadian keracunan makanan, pelaksanaan Program Kendiri di dewan makan asrama yang sedang berjalan di semua sekolah berasrama di bawah KPM akan diteruskan bagi tahun 2018.

3. Carta Alir Pelaksanaan dan Borang Penilaian Bulanan Kebersihan Dapur Asrama boleh dirujuk melalui surat siaran Bahagian ini bertajuk Pemeriksaan Sendiri (Program Kendiri) Di Dewan Makan Asrama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), rujukan KPMSP.600-10/26/4 Jld. 14 (85) bertarikh 10 Januari 2017. Dokumen ini boleh dimuat turun melalui laman web KPM di alamat www.moe.gov.my.

4. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon untuk memaklumkan perkara ini kepada semua sekolah berasrama di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh berhubung ke Bahagian ini melalui Bahrin Bin Hj. Masduki, Ketua Unit Pengurusan Asrama Harian ditalian 03-88849432 / 9390 atau di alamat e-mail bahrin@moe.gov.my.

Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berikan diucapkan terima kasih. Sekian.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

**"KEMENJADIAN MURID ASRAMA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**

Saya yang menurut perintah,

**PESOL BIN MD. SAAD**
Timbalan Pengarah (Murid)
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k :

Pengarah Kanan
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, Menara Prisma
No. 26, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3
62675 Putrajaya